WIKIPEDIA

Bahasa Filipino

Bahasa Filipino ialah nama bahasa kebangsaan Filipina yang berasaskan Bahasa Tagalog. Pada 1937, Tagalog, yang dituturkan di tengah Pulau Luzon di sekitar wilayah ibu kota Filipina, dipilih sebagai asas bahasa kebangsaan Republik Filipina oleh Institut Bahasa Kebangsaan negara itu.[4] Kemudian pada 1939, Manuel L. Quezon menamai bahasa itu *Wikang Pambansa* (Bahasa Kebangsaan). Seterusnya, pada 1959, ia dinamai Pilipino pula oleh Setiausaha Pendidikan, Jose Romero, untuk menggambarkan identiti kebangsaan berbanding identiti kaum. Bagaimanapun, perubahan ini tidak mendapat sambutan di kalangan kaum bukan Tagalog, terutamanya Cebuano di Pulau Cebu (yang mana bahasa mereka ialah *Sugbuano* atau *Cebuano* mengikut sebutan Bahasa Sepanyol).[5]

Pada 1971, isu bahasa timbul lagi lalu satu kompromi dicapai menerusi pendekatan "sejagat" iaitu dengan menamakannya **Filipino** sebagai ganti **Pilipino**. Nama Filipino diluluskan oleh perlembagaan Filipina pada 1987 dengan ketetapan bahawa bahasa itu akan turut menerima kosa kata daripada bahasa lain di Filipina termasuk bahasa asing seperti Bahasa Inggeris.[5]

Rujukan

1. Ethnologue report for Philippines (http://www.ethnologue.com/show_country.asp?name=PH)
2. *Results from the 2000 Census of Population and Housing: Educational Characteristics of the Filipinos* (http://www.census.gov.ph/data/sectordata/sr05153tx.html), National Statistics Office, 18 Mac 2005, dicapai pada 2008-01-21
3. http://www.google.com.ph/language_tools?hl=tl
4. Mga Probisyong Pangwika sa Saligang-Batas (http://wika.pbwiki.com/Kasaysayan)
5. Andrew Gonzalez (1998). "The Language Planning Situation in the Philippines" (http://www.multilingual-matters.net/jmmd/019/0487/jmmd0190487.pdf) (PDF). *Journal of Multilingual and Multicultural Development*. **19** (5, 6): 487–488. doi:10.1080/01434639808666365 (https://doi.org/10.1080%2F01434639808666365). Dicapai pada 2007-03-24.

Filipino

Wikang Filipino

Asli di	Filipina Amerika Syarikat United Kingdom Rusia dan penutur di Malaysia Singapura Oman Hong Kong Macau Jepun Kanada Australia New Zealand Taiwan Arab Saudi Amiriah Arab Bersatu Qatar Israel Lubnan Jordan serta di Sepanyol Portugal Perancis Belanda Itali Jerman dan Greece
Penutur asli	Bahasa pertama: 25 juta.[1] Bahasa kedua: *lebih 60 juta* Jumlah: 90 juta[2] (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Austronesian ▪ Melayu-Polinesia ▪ Filipina Tengah ▪ Tagalog ▪ **Filipino**
Sistem penulisan	Latin (kelainan Filipino)

Status rasmi

Bahasa rasmi di	Filipina
Dikawal oleh	Suruhanjaya Bahasa Filipino (*Komisyon sa Wikang Filipino*)
Kod bahasa	
ISO 639-1	`tl`[3]
ISO 639-2	`fil`
ISO 639-3	`fil`

L • B • S(https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:Bahasa_Asia_Tenggara&action=edit) **Bahasa di Asia Tenggara**	
Brunei	Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris
Filipina	Bahasa Cebuano • Bahasa Filipino • Bahasa Tagalog • Bahasa Tausug • Bahasa Kapampangan
Indonesia	Bahasa Indonesia • Bahasa Minangkabau • Bahasa Jawa • Bahasa Sunda • Bahasa Betawi • Bahasa Bali • Bahasa Banjar • Bahasa Manado • Bahasa Bugis • Bahasa Melayu • Bahasa Makassar • Bahasa Batak • Bahasa Aceh
Kemboja	Bahasa Cham • Bahasa Khmer
Laos	Bahasa Lao
Malaysia	Bahasa Malaysia/Melayu • Bahasa Inggeris • Bahasa Cina • Bahasa Tamil • Bahasa Iban • Bahasa Dusun • Bahasa Semai • Bahasa Kadazan • Bahasa Bajau
Myanmar	Bahasa Burma • Bahasa Mon
Singapura	Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Bahasa Cina • Bahasa Tamil
Thailand	Bahasa Thai • Bahasa Yawi • Bahasa Isan
Timor Leste	Bahasa Tetum • Bahasa Portugis
Vietnam	Bahasa Vietnam • Bahasa Cham